



Perlindungan Saksi Tonggak
Sistem Keadilan Negara

Pelan Strategik Pendigitalan

BAHAGIAN PERLINDUNGAN
PSPBP 2022-2025

Bahagian Perlindungan,
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 7, Menara Usahawan,
Persiaran Perdana Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62652 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan Putrajaya

03 8000 8500
info@bp.gov.my
www.bp.gov.my



Isi

KANDUNGAN



- i. Ringkasan Eksekutif
- ii. Perutusan Ketua Pengarah
- iii. Perutusan Timbalan Ketua Pengarah
- iv. Kata Aluan Ketua Pegawai Maklumat

1 Latarbelakang

2 Pengenalan

6 Faktor Kritisikal Kejayaan

7 Faedah dan Impak

8 Visi, Misi dan Teras Strategik BP

9 Visi dan Misi Pendigitalan BP

10 Teras Strategik Pendigitalan

11 Strategi dan Program Pendigitalan

29 Penutup

15 Pelan Tindakan dan Pelan Pelaksanaan

16 **Teras Strategik 1**
Pengukuhan Infrastruktur Digital Melalui Adaptasi Teknologi Yang Relevan Dalam Persekitaran Terjamin

19 **Teras Strategik 2**
Pemerksaan Perkhidmatan Digital Yang Selamat Dengan Memanfaatkan Ketersediaan Data

23 **Teras Strategik 3**
Pemantapan Kompetensi Digital-Dengan Tadbir Urus Yang Dinamik

Ringkasan Eksekutif

Pelan Strategik Pendigitalan Bahagian Perlindungan (PSPBP) 2022-2025 menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan Jabatan untuk tempoh empat (4) tahun yang akan menjadi panduan jabatan memacu agenda Kerajaan Digital yang mampan ke arah membentuk budaya pendigitalan dalam jabatan dan masyarakat.

Perancangan dan usaha strategik ICT yang digariskan dalam pelan ini dijangka menyokong aspirasi Kerajaan untuk menggapai *Sustainable Development Goal* 2030, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dan Rancangan Malaysia Ke-12. Dengan itu, warga BP memainkan peranan yang penting dalam memberi impak kepada ekonomi digital dan membina asas untuk memacu pendigitalan dalam Jabatan, termasuk dalam merapatkan jurang digital dikalangan warga sendiri.

Pelan ini mengandungi beberapa topik utama seperti berikut:

1. Pengenalan
2. Visi, Misi dan Teras Strategik Bahagian Perlindungan
3. Teras Strategik Pendigitalan
4. Pelan Tindakan dan Pelan Pelaksanaan

**PENDIGITALAN
PEMANGKIN
KECEMERLANGAN
PROGRAM
PERLINDUNGAN
SAKSI**

03 8000 8500

info@bp.gov.my

www.bp.gov.my

Bahagian Perlindungan,
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 7, Menara Usahawan,
Persiaran Perdana Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan
62652 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan Putrajaya

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

H

ssalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur kepada Allah SWT kerana dengan izinNya, Pelan Strategik Pendigitalan Bahagian Perlindungan (PSPBP 2022-2025) berjaya diterbitkan. Dalam menelusuri Revolusi Industri 4.0, pengukuhan pendigitalan perlu dilaksanakan bagi melahirkan warga Bahagian Perlindungan yang mahir dan mampu memanfaatkan maklumat, teknologi dan kaedah komunikasi terkini. Syabas diucapkan kepada Warga Bahagian Perlindungan terutama Pasukan Projek Pelan Strategik Pendigitalan BP yang begitu komited membangunkan pelan ini.

BP sentiasa menerapkan aspek pendigitalan dalam menyokong Visi dan Misi BP memantapkan Program Perlindungan Saksi yang menegakkan *rule of law*. Perkembangan teknologi pendigitalan seharusnya dimanfaatkan oleh Warga BP sesuai dengan aspirasi pelan ini untuk menjadi pemangkin kepada kesinambungan Kerajaan Digital Mampan.

PSPBP 2022-2025 dibangunkan melalui kerjasama khidmat nasihat Bahagian Perundingan ICT, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM). Saya merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak MAMPU dan JPM atas kerjasama strategik ini yang akan berterusan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan awam Malaysia.

Akhir kata, saya berharap semua pihak yang terlibat turut serta memainkan peranan dalam aspirasi pendigitalan yang dirangka dalam PSPBP 2022-2025 ini agar Visi PENERAJU PROGRAM PERLINDUNGAN SAKSI NEGARA sentiasa didokong dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.



Perkembangan teknologi pendigitalan seharusnya dimanfaatkan oleh Warga BP sesuai dengan aspirasi pelan ini untuk menjadi pemangkin kepada kesinambungan KERAJAAN DIGITAL MAMPAN

KHAIRUL ANWAR BIN ZAKARIA @ ABDUL HAMID
Ketua Pengarah Bahagian Perlindungan

PERUTUSAN TIMBALAN KETUA PENGARAH

A

ssalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin perkenanNYA jua maka Pelan Strategik Pendigitalan Bahagian Perlindungan (PSPBP 2022-2025) berjaya diterjemahkan dalam bentuk yang lebih dinamik dan komprehensif. Pelan yang diterbitkan ini adalah satu manifestasi kepada inisiatif BP dalam mendokong hasrat Kerajaan untuk menghadapi revolusi teknologi di masa hadapan.

Sejajar dengan Visi 'PENDIGITALAN PEMANGKIN KECEMERLANGAN PROGRAM PERLINDUNGAN SAKSI' maka sebanyak tiga (3) Teras Strategik, lapan (8) Strategi dan 41 Program Pendigitalan telah disusun sepanjang Pelan ini dilaksanakan. Ia telah mengambil kira fungsi setiap Cawangan dalam BP iaitu Pejabat Pendaftar, Operasi, Siasatan dan Pengurusan.

Bagi memastikan objektif ini dicapai, beberapa langkah 'check and balance' dirangka agar Pelan ini menepati asas yang ditetapkan bagi memenuhi ekspektasi Pemegang Taruh berdasarkan prinsip 'rule of law'.

Akhir kalam, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pasukan Projek Pelan Strategik Pendigitalan Bahagian Perlindungan di atas komitmen dan kerjasama yang tinggi dalam menjayakan Pelan ini.

Salam Hormat.



■ **Sejajar dengan Visi 'PENDIGITALAN PEMANGKIN KECEMERLANGAN PROGRAM PERLINDUNGAN SAKSI' maka sebanyak tiga (3) Teras Strategik, lapan (8) Strategi dan 41 Program Pendigitalan telah disusun sepanjang Pelan ini dilaksanakan** ■

SAC MAT ZANI @ MOHD SALAHUDDIN BIN CHE ALI
Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Perlindungan

KATA ALUAN KETUA PEGAWAI MAKLUMAT



Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Kesempatan ini saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Pasukan Projek Pelan Strategik Pendigitalan BP dan Warga Bahagian Perlindungan yang berjaya menerbitkan Pelan Strategik Pendigitalan Bahagian Perlindungan (PSPBP 2022-2025). Dengan adanya Pelan ini, Bahagian Perlindungan telah mewujudkan sistem sokongan perkhidmatan yang lebih mantap terutama fungsi-fungsi yang berkaitan dengan pendigitalan.

Semua program yang dirancang dalam Pelan ini telah mengambil kira keperluan domain-domain ICT yang terdiri daripada Aplikasi, Infrastruktur, Tadbir Urus dan Keupayaan ICT. Disamping itu, aspek keselamatan dan kerahsiaan Program Perlindungan Saksi yang merupakan fungsi teras BP sentiasa diberi keutamaan melalui pengukuhan keselamatan ICT bagi memastikan integriti Program terjaga.

Selain daripada itu, BP sentiasa berusaha meningkatkan perkhidmatan kepada masyarakat dengan memanfaatkan teknologi digital sesuai dengan Revolusi Industri 4.0. Dengan itu, program-program yang disusun juga fokus kepada peningkatan kemahiran pendigitalan Warga BP dan kakitangan ICT BP disamping pengukuhan peranan Ketua Pegawai Digital.

Saya amat yakin bahawa pelaksanaan PSPBP 2022-2025 dapat dilaksanakan dengan jayanya dengan komitmen, semangat dan iltizam yang ditunjukkan oleh Warga BP. Semoga segala usaha tersebut memantapkan fungsi BP dalam memberikan perkhidmatan Perlindungan Saksi kepada masyarakat dengan memanfaatkan teknologi digital terkini.



Aspek keselamatan dan kerahsiaan Program Perlindungan Saksi yang merupakan fungsi teras BP sentiasa diberi keutamaan melalui pengukuhan keselamatan ICT bagi memastikan integriti Program terjaga

MOHAMMAD FADZLI BIN NGATMI
Ketua Pegawai Maklumat Bahagian Perlindungan



LATAR BELAKANG

Penubuhan Bahagian Perlindungan


Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696) telah dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 26 Mac 2009 dan di Dewan Negara pada 8 April 2009. Akta tersebut telah diwartakan pada 30 April 2009. Unit Perlindungan Saksi telah ditubuhkan melalui Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (Pindaan) 2010 [P.U.(A) 19/2010] bertarikh 28 Januari 2010 sebagai sebuah Jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Bahagian Perlindungan diketuai oleh Ketua Pengarah (Gred Utama Jusa C) dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah (Gred 54). Empat Cawangan utama di bawah Bahagian Perlindungan yang memainkan peranan masing-masing ialah Cawangan Pengurusan, Cawangan Operasi, Cawangan Siasatan dan Pejabat Pendaftar. Jemaah Menteri pada 9 Mac 2005 telah bersetuju supaya Unit Perlindungan Saksi ditubuhkan dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). Unit Perlindungan Saksi ini telah diubah namanya kepada Bahagian Perlindungan (BP) pada 15 April 2013.

Peranan Bahagian Perlindungan

Sebagai sebuah agensi yang melaksanakan fungsi utamanya sebagai peneraju program perlindungan saksi, BP telah memenuhi peranan tersebut untuk memberi perlindungan secara total (*Total Protection*) kepada saksi.

Pada tahun 2022, BP telah menginjak usia ke tahun ke-12 penubuhannya. Selaras dengan itu, kebolehan serta kepakaran warga BP dalam melaksanakan peranannya melindungi saksi ditambah baik dan sentiasa meningkat dari masa ke semasa.



PENGENALAN

Objektif


- Memperkasa peranan Bahagian Perlindungan dalam merancang, melaksana dan menyedia perkhidmatan perlindungan saksi kepada masyarakat.
- Memantapkan tadbir urus dan fungsi ICT sebagai pemangkin teknologi pendigitalan supaya perlindungan saksi sejajar dengan perkembangan semasa.
- Memantapkan prasarana ICT Jabatan bagi memastikan keperluan teknologi maklumat berada di tahap terbaik untuk menyokong fungsi-fungsi Jabatan.

Skop

Pembangunan PSPBP 2022-2025 adalah berdasarkan keperluan ICT yang merangkumi empat kategori berikut:

Infrastruktur ICT

- Memantapkan keperluan peralatan dan perisian ICT Jabatan.
- Menjalinkan kerjasama dengan MAMPU bagi meningkatkan keupayaan rangkaian.
- Menyediakan fasiliti pusat data kondusif dengan perancangan kesinambungan perkhidmatan yang efektif.
- Memanfaatkan kepakaran dan sumber dari agensi-agensi Kerajaan bagi meningkatkan ciri keselamatan ICT.



**Aplikasi dan Data**

- Memanfaatkan inisiatif pendigitalan dengan mewujudkan aplikasi dan pangkalan data yang menyokong fungsi Bahagian Perlindungan.
- Menyediakan saluran maklumat dan komunikasi yang berkesan melalui pemantapan kandungan laman web / portal BP.

Tadbir Urus ICT


- Menyediakan tadbir urus ICT yang berkesan dengan punca kuasa dan jawatankuasa yang dikenalpasti.
- Memantapkan Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedure - SOP) ICT bagi memastikan tatacara pelaksanaan tugas adalah konsisten.

Keupayaan ICT

- Meningkatkan kemahiran personel ICT bagi memberi khidmat kepada yang efektif kepada BP dan pelanggannya.
- Memantapkan inisiatif pembudayaan ICT dikalangan warga BP.



PSPBP 2022-2025 dibangunkan dengan penglibatan empat (4) Cawangan Bahagian Perlindungan seperti berikut:

- Cawangan Operasi
- Pejabat Pendaftar
- Cawangan Siasatan
- Cawangan Pengurusan






Struktur Tadbir Urus Jawatankuasa PSPBP 2022-2025



Pendekatan Projek

PSPBP 2022-2025 dibangunkan secara dalaman (*in-house*) dengan mendapat khidmat nasihat daripada Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur ICT, MAMPU. Selain daripada itu, BP juga bekerjasama dengan Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Perdana Menteri dalam memastikan halatuju strategik pendigitalan sejajar dengan strategi Kementerian.


Metodologi pembangunan PSPBP 2022-2025 yang digunakan adalah berdasarkan Metodologi Perancangan Strategik ICT (PerSI) yang dibangunkan oleh MAMPU.



Metodologi PerSI

Aktiviti utama adalah seperti berikut:

- Analisis persekitaran semasa - bisnes dan ICT;
- Membangunkan hala tuju strategik ICT;
- Membangunkan pelan pelaksanaan ICT; dan
- Menyedia dokumen PSPBP 2021-2025.



FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN



Komitmen Pengurusan Atasan - bertanggungjawab menetap dan menggariskan visi, misi, dasar, polisi dan matlamat organisasi serta membimbing organisasi agar interaksinya dengan persekitaran adalah baik.




Subject Matter Experts (SME) adalah seseorang yang mampu memberikan pendapat yang berhubungan dengan pengetahuan dalam bidang kepakarannya.



Pemantauan Projek adalah proses untuk mengekalkan tempoh masa sasaran, kos ditetapkan dan kualiti yang diperlukan.



Proses menguruskan **kos** projek adalah aktiviti untuk menganggarkan kos, membangunkan belanjawan projek dan mengawal perbelanjaan.



FAEDAH DAN IMPAK

Ekonomi Digital

Menyumbang kepada ekonomi digital menerusi adaptasi/eksploitasi kemunculan teknologi baharu (emerging technologies)

Teknologi Baru

Menjajarkan penerimاغunaan kemunculan teknologi baharu

Penjajaran Strategi

Menjajarkan strategi pelaksanaan pendigitalan agensi dengan agenda pendigitalan Sektor Awam.

Hala Tuju Pendigitalan



- Menetapkan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan Bahagian Perlindungan.

Kerjasama

- Memupuk semangat kerjasama antara kakitangan

Idea

- Pemantapan BP dengan menyalurkan idea-idea yang berasas kearah pendigitalan





VISI, MISI DAN TERAS STRATEGIK BP

VISI

PENERAJU PROGRAM
PERLINDUNGAN SAKSI
NEGARA

MISI

MEMPERKASAKAN
PROGRAM
PERLINDUNGAN SAKSI
SECARA PROFESIONAL
DAN KOMITED



TERAS 1

Memperkasa
Organisasi yang
Dinamis dan
Holistik

TERAS 2

Keselamatan
dan Kerahsiaan
Pengurusan
Program
Perlindungan
Saksi

TERAS 3

Profesionalisme
dalam
Perlindungan
Keselamatan
dan Kebajikan


TERAS 4

Profesionalisme
dalam Siasatan
dan Risikan

TERAS 5

Inisiatif
Digitalisasi
dengan
Sokongan
Infrastruktur
Optimum

“ Perlindungan Saksi
Tonggak Sistem Keadilan Negara ”





VISI DAN MISI PENDIGITALAN BP




VISI

**PENDIGITALAN
PEMANGKIN KECEMERLANGAN
PROGRAM
PERLINDUNGAN SAKSI**

MISI

**MEMPERKASAKAN PENGGUNAAN
TEKNOLOGI DIGITAL DALAM
PROGRAM PERLINDUNGAN SAKSI DENGAN
LEBIH EFISIEN**



TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN



Teras Strategik 1

PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DIGITAL MELALUI ADAPTASI TEKNOLOGI YANG RELEVAN DALAM PERSEKITARAN TERJAMIN

Memantapkan infrastruktur ICT untuk menyokong keberkesanannya pelaksanaan fungsi teras dan sokongan Jabatan selaras dengan perkembangan teknologi terkini

Memperkuuh keselamatan infrastruktur ICT dengan perancangan kesinambungan perkhidmatan yang efektif

Teras Strategik 2

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DIGITAL YANG SELAMAT DENGAN MEMANFAATKAN KETERSEDIAAN DATA

Memanfaatkan inisiatif pendigitalan dengan mewujudkan aplikasi dan pangkalan data perlindungan saksi ke arah pembangunan digital yang mampan

Mempertingkatkan kolaborasi dan perkongsian pintar secara bersepadu bagi mewujudkan gerbang maklumat yang mantap

Teras Strategik 3

PEMANTAPAN KOMPETENSI DIGITAL DENGAN TADBIR URUS YANG DINAMIK

Memantapkan tadbir urus digital dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih mantap dan konsisten bagi menjaga kerahsiaan program perlindungan saksi

Memperkasakan modal insan melalui kompetensi dan pembudayaan ICT bagi mengoptimumkan penggunaan teknologi digital

Lonjakan pelaksanaan fungsi-fungsi utama Bahagian Perlindungan kepada pendigitalan adalah kritikal ke arah penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang lebih efisien

STRATEGI DAN PROGRAM PENDIGITALAN



Teras Strategik 1

Pengukuhan Infrastruktur Digital Melalui Adaptasi Teknologi Yang Relevan Dalam Persekitaran Terjamin

Jumlah Program

Strategi 1 : Pembangunan dan Pemantapan Infrastruktur Digital

8

Strategi 2: Pengukuhan Keselamatan Digital

3



Teras Strategik 2

Pemerkasaan Perkhidmatan Digital Yang Selamat Dengan Memanfaatkan Ketersediaan Data

Jumlah Program

Strategi 1 : Pembangunan Aplikasi Teras

3

Strategi 2: Pembangunan Aplikasi Sokongan

7

Strategi 3: Pengukuhan Aplikasi Sedia Ada

3



Teras Strategik 3

Pemantapan Kompetensi Digital Dengan Tadbir Urus Yang Dinamik

Jumlah Program

Strategi 1 : Pengukuhan Tadbir Urus Digital

6

Strategi 2: Pembangunan dan Pemantapan Prosedur dan
Garis Panduan Digital


6

Strategi 3: Pemantapan Kompetensi dan Kesedaran Digital

5



**Pengukuhan infrastruktur yang lebih menyeluruh merangkumi
kajian teknologi yang terkini tanpa mengkompromi aspek
keselamatan ICT**





Penjajaran Strategi Pendigitalan Dengan Strategi Bisnes



Pembangunan Strategi Pendigitalan seharusnya sejajar dengan Strategi Bisnes Bahagian Perlindungan



STRATEGI PENDIGITALAN

Pembangunan dan Pemantapan Infrastruktur Digital

T1
S1

Pengukuhan Keselamatan Digital

T1
S2

Pembangunan Aplikasi Teras

T2
S1

Pembangunan Aplikasi Sokongan

T2
S2

Pengukuhan Aplikasi Sedia Ada

T2
S3

Pengukuhan Tadbir Urus Digital

T3
S1

Pembangunan dan Pemantapan Prosedur dan Garis Panduan Digital

T3
S2

Pemantapan Kompetensi dan Kesedaran Digital

T3
S3

TERAS 1

- Penstrukturkan semula Organisasi mengambil kira keperluan kritikal
- Pengukuhan belanja mengurus berdasarkan *outcome* sebenar
- Pengukuhan bilangan premis dan fasiliti optimum dalam menampung Program Perlindungan Saksi
- Membangunkan Pelan Anti Rasuh Organisasi (OACP) dan *Corruption Risk Management* (CRM)
- Meningkatkan keupayaan fasiliti Organisasi
- Membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan BPJPM

TERAS 2

- Kerahsiaan dalam Program Perlindungan Saksi
- Memperkuuhkan pengurusan permohonan masuk dan pendaftaran

TERAS 3

- Meningkatkan kecekapan merangkumi pengetahuan dan kemahiran pegawai dan ejen Cawangan Operasi
- Jaringan strategik bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesan risikan keselamatan
- Perancangan perolehan strategik penyediaan peralatan bantuan teknik mengikut teknologi semasa
- Perancangan strategik bagi modal insan kerohanian dan sahsiah peserta Program Perlindungan Saksi
- Mengadakan dan memurnikan *Standard Operating Procedure* yang diiktiraf, mampan, progresif dan kompeten antara Cawangan
- Memantapkan perlindungan keselamatan terhadap peserta Program
- Perancangan strategik pengurusan kebijakan peserta Program secara profesional


TERAS 4

- Pembangunan modal insan dengan mengikuti kursus dan latihan kemahiran berkaitan tugas
- Pemanfaatan Sistem Penyampaian Perkhidmatan
- Pengukuhan jalinan rangkaian dan kerjasama dengan jabatan kerajaan, NGO dan swasta dalam dan luar negara
- Memperkasa kualiti siasatan dan risikan


TERAS 5

- Menyediakan prasarana ICT yang lengkap dan kondusif sesuai dengan bidang tugas jabatan
- Lonjakkan pelaksanaan sistem kerja secara digital mengikut kesesuaian proses kerja
- Memperkasa fungsi pengurusan maklumat

STRATEGI JABATAN




Pemetaan Strategi Pendigitalan dengan Rangka Kerja ICT Sektor Awam



Rangka Kerja ICT terdiri daripada empat komponen utama iaitu Visi ICT, Teras Strategik ICT, Ekosistem Pemboleh Daya dan Prinsip Asas.

- Visi ICT merupakan matlamat ICT Sektor Awam untuk menyokong RMKe-12 dalam mengukuhkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.
- Teras Strategik ICT adalah pamacu strategik ke arah mencapai matlamat ICT sektor awam.
- Ekosistem Pemboleh Daya adalah elemen strategik yang menyokong kejayaan pelaksanaan dan kelestarian inisiatif ICT.
- Prinsip Asas adalah dasar yang dijadikan panduan dan pedoman dalam pelaksanaan ICT sektor awam.



**RANGKA
KERJA ICT
SEKTOR
AWAM**





Organizational Landscape Map View (OLMV)

OLMV digunakan sebagai sokongan kepada Pengurusan Atasan Bahagian Perlindungan membuat keputusan melalui paparan hubungan beberapa entiti penting kepada organisasi seperti pemegang taruh, perkhidmatan teras dan sokongan serta sistem luaran yang menyokong fungsi jabatan. Gambaran keseluruhan kaitan proses, maklumat dan data yang tersedia pada persekitaran dalaman dan luaran organisasi melalui *tools* OLMV ini membantu Bahagian Perlindungan menganalisis faktor yang menyumbang kepada perkembangn digital organisasi dalam jangka masa panjang.





Pelan Tindakan & Pelan Pelaksanaan



TERAS STRATEGIK

01

Pengukuhan Infrastruktur Digital Melalui Adaptasi Teknologi Yang Relevan Dalam Persekutuan Terjamin



Strategi 1: Pembangunan dan Pemantapan Infrastruktur Digital

P.1

Perolehan peralatan ICT baru mengambil kira perkembangan teknologi pendigitalan semasa

Objektif: Menyediakan infrastruktur ICT yang terkini untuk kegunaan tugas rasmi warga jabatan

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Feb 2023 – Dis 2023

Sasaran:
Komputer - 95
Laptop - 25
Pencetak - 46
LCD Projektor - 6
Mesin Faks - 3

P.2

Pelupusan Aset ICT

Objektif: Memastikan pelupusan aset ICT dilupuskan mengikut prosedur yang ditetapkan

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Okt 2022 – Dis 2023

Sasaran:
Dis 2022 -
Pelupusan Fasa 1 Selesai
Dis 2023 -
Pelupusan Fasa 2 Selesai

P.3

Penyelenggaraan Peralatan ICT

Objektif: Menyelenggara peralatan ICT bagi memastikan fungsi peralatan sentiasa berada dalam keadaan baik

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2022 – Dis 2025

Sasaran:
Setiap Tahun:
1 Laporan
Penyelenggaraan

P.4


Penyelarasan Teknikal bagi Perbicaraan Saksi Mengikut Keperluan Kes

Objektif: Menyediakan khidmat kepakaran teknikal bagi perbicaraan saksi mengikut mahkamah yang dikenalpasti

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2022 – Dis 2025

Sasaran:
Memberi 100% khidmat teknikal mengikut keperluan kes





TERAS STRATEGIK

01

Pengkuhan Infrastruktur Digital Melalui Adaptasi Teknologi
Yang Relevan Dalam Persekutuan Terjamin

Strategi 1: Pembangunan dan Pemantapan Infrastruktur Digital

P.5 Penyediaan infrastruktur *Command Center*

Objektif: Meningkatkan keupayaan dalam memberi perlindungan yang berkesan kepada saksi

Pemilik Program:
Cawangan Operasi

Tempoh Laksana:
Feb 2023 – Dis 2024

Sasaran:
1 *Command Center* sebagai pusat maklumat dan komunikasi fungsi teras BP

P.6 Pemantapan Fungsi *Helpdesk*

Objektif: Memantapkan pengurusan aduan pelanggan

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2023 – Dis 2023

Sasaran:
Infrastruktur helpdesk lengkap 100%

P.7 Naik taraf infrastruktur ICT di Pusat Data

Objektif: Memastikan infrastruktur pusat data memenuhi keperluan teknikal sistem yang dibangunkan

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2024 – Dis 2025

Sasaran:
Dis 2025:
Pusat Data dinaiktaraf 100%


P.8 Perolehan Baru / Pembaharuan Lesen Perisian

Objektif: Memastikan perisian sentiasa berada dalam keadaan tersedia

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Okt 2023 – Dis 2025

Sasaran:
Perolehan lesen selesai 100%





TERAS STRATEGIK

01

Pengukuhan Infrastruktur Digital Melalui Adaptasi Teknologi
Yang Relevan Dalam Persekutuan TerjaminStrategi 2:
Pengukuhan Keselamatan Digital


P.1

Pengukuhan Perkhidmatan dan Pengurusan
Keselamatan SiberObjektif: Memastikan keselamatan infrastruktur
ICT jabatan sentiasa berada dalam
keadaan optimum**Pemilik Program:**
Cawangan Pengurusan**Tempoh Laksana:**
Dis 2022 – Dis 2025**Sasaran:**
Pelaksanaan
Pengukuhan
Selesai 100%
pada 2025

P.2

Penyelarasan pengurusan rangkaian dengan
pembekal perkhidmatan rangkaianObjektif: Menyediakan capaian dalaman dan
luaran yang memenuhi keperluan
tugasan sulit warga jabatan**Pemilik Program:**
Cawangan Pengurusan**Tempoh Laksana:**
Jan 2023 – Dis 2023**Sasaran:**
Capaian internet
yang lebih terbuka
dan selamat

P.3

Kajian keperluan pelaksanaan *Virtual Private
Network (VPN)*Objektif: Mengkaji keperluan VPN bagi
memenuhi capaian sistem atas talian
dengan selamat**Pemilik Program:**
Cawangan Pengurusan**Tempoh Laksana:**
Jun 2023 – Jun 2024**Sasaran:**
1 Laporan kajian
pelaksanaan VPN



TERAS STRATEGIK

02

Pemerkasaan Perkhidmatan Digital Yang Selamat Dengan Memanfaatkan Ketersediaan Data



Strategi 1: Pembangunan Aplikasi Teras

P.1

Kajian Pembangunan Sistem Pemantauan Program Perlindungan Saksi

Objektif: Mengkaji keperluan pengguna, skop, spesifikasi, modul dan keperluan teknikal pembangunan sistem disamping implikasi kos yang terlibat

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2023 – Dis 2023

Sasaran:
1 Laporan Kajian Pembangunan Sistem Pemantauan Program Perlindungan Saksi

P.2

Pembangunan Sistem Pemantauan Program Perlindungan Saksi

Objektif: Menyediakan sistem yang berupaya memantau program perlindungan saksi secara *end to end*

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2024 – Dis 2025

Sasaran:
1 sistem *end to end* yang *integrated* antara cawangan dalam BP

P.3


Sistem Pangkalan Ilmu

Objektif: Menyediakan platform perkongsian data yang lebih efisyen di kalangan warga BP yang dicapai secara talian

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2024 – Dis 2024

Sasaran:
1 sistem maklumat dalaman mengikut peranan capaian



TERAS STRATEGIK

02

Pemerkasaan Perkhidmatan Digital Yang Selamat
Dengan Memanfaatkan Ketersediaan Data



Strategi 2: Pembangunan Aplikasi Sokongan

P.1

Sistem Pendaftaran Fail (Sulit dan Terbuka)

Objektif: Memudahkan capaian data fail-fail sedia ada dan menjana laporan

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2024 – Dis 2024

Sasaran:
1 sistem pengurusan fail secara dalam talian

P.2

Sistem Permohonan Penggunaan Kenderaan

Objektif: Memantau pergerakan kenderaan dengan lebih efisyen

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2024 – Dis 2024

Sasaran:
1 sistem permohonan menggunakan kenderaan secara dalam talian

P.3

Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat

Objektif: Memastikan infrastruktur pusat data memenuhi keperluan teknikal sistem yang dibangunkan

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2024 – Dis 2025

Sasaran:
1 sistem tempahan bilik mesyuarat secara dalam talian

P.4


Sistem Pinjaman Peralatan

Objektif: Menyediakan sistem permohonan dan pemantauan peralatan jabatan

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2023 – Dis 2023

Sasaran:
1 sistem permohonan pinjaman peralatan secara dalam talian





TERAS STRATEGIK

02

Pemerkaasan Perkhidmatan Digital Yang Selamat
Dengan Memanfaatkan Ketersediaan Data

Strategi 2: Pembangunan Aplikasi Sokongan

P.5

Sistem Pengurusan Latihan

Objektif: Memantau penganjuran kursus dan bengkel dalaman untuk tujuan pemantauan dan pelaporan

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2023 – Dis 2023

Sasaran:
1 sistem pengurusan latihan secara dalam talian

P.6

Sistem Permohonan Capaian Maklumat

Objektif: Menyediakan kemudahan memohon capaian kepada sistem-sistem secara online (contoh: E-Perolehan, GPKI Token, IGFMAS)

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2024 – Dis 2024

Sasaran:
1 sistem permohonan peranan capaian kepada sistem yang dikenalpasti secara atas talian

P.7


Pembangunan Video dan Montaj

Objektif: Menyediakan video dan montaj sesuai dengan acara rasmi Jabatan bagi mempromosi aktiviti yang dilaksanakan

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2023 – Dis 2025

Sasaran:
Dis 2024: 1 Video Korporat
Jan 2023 - Dis 2025:
100% video acara dan montaj perasmian dibangunkan mengikut keperluan





TERAS STRATEGIK

02

Pemerkasaan Perkhidmatan Digital Yang Selamat
Dengan Memanfaatkan Ketersediaan Data

Strategi 3: Pengukuhan Aplikasi Sedia Ada

P.1 Pemantapan Sistem Kehadiran Biometrik

Objektif: Mengkaji skop perluasan dan naik taraf sistem kehadiran biometrik

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2024 – Dis 2024

Sasaran:
Dis 2024: Sistem Kehadiran Biometrik di Rumah Perlindungan Saksi (RPS)

P.2 Sistem Pengurusan Aduan ICT

Objektif: Sistem yang mengurus dan memantau penyelesaian aduan masalah ICT

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2023 – Dis 2023

Sasaran:
1 sistem pemantauan aduan secara dalam talian


P.3 Naik Taraf Laman Web Rasmi BP

Objektif: Mengkaji skop perluasan dan naik taraf Laman Web Rasmi BP

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2024 – Dis 2025

Sasaran:
Naiktaraf Laman Web Rasmi secara 100% mengikut keperluan sistem teras dan sokongan





TERAS STRATEGIK

03

Pemantapan Kompetensi Digital Dengan
Tadbir Urus Yang DinamikStrategi 1:
Pengukuhan Tadbir Urus Digital**P.1**

Pemantapan Seksyen Teknologi Maklumat

Objektif: Pengukuhan Seksyen Teknologi Maklumat bagi menyokong perkembangan fungsi dan organisasi selaras dengan inisiatif MyDigital

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan**Tempoh Laksana:**
Jan 2022 – Dis 2023**Sasaran:**
Ogos 2021:
1 kertas
penstuktur semula
diangkat ke JPM

Pelantikan 3
kakitangan MySTEP**P.2**

Jawatankuasa Pemandu ICT Jabatan


Objektif: Mewujudkan JPICT BP bagi mentadbir pengurusan pendigitalan jabatan

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan**Tempoh Laksana:**
Jan 2024 – Dis 2024**Sasaran:**
Penubuhan JPICT
Peringkat Jabatan**P.3**Jawatankuasa Induk Laman Web
Bahagian Perlindungan

Objektif: Menetapkan dasar, mekanisme dan pengurusan laman web/portal

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan**Tempoh Laksana:**
Jan 2022 – Dis 2025**Sasaran:**
Mesyuarat JK - 2
kali setahun**P.4**Jawatankuasa Kerja dan Teknikal Laman Web
Bahagian Perlindungan

Objektif: Memastikan kandungan dalam laman web/portal adalah terkini dan sahih dengan mewujudkan proses pengurusan kandungan yang berkesan

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan**Tempoh Laksana:**
Jan 2022 – Dis 2025**Sasaran:**
Mesyuarat JK - 2
kali setahun



TERAS STRATEGIK

03 Pemantapan Kompetensi Digital Dengan
Tadbir Urus Yang Dinamik

Strategi 1: Pengukuhan Tadbir Urus Digital

P.5 Computer Emergency Response Team (CERT)

Objektif: Menerima aduan keselamatan ICT dan menilai tahap dan jenis insiden bagi memastikan tahap keselamatan ICT berada dalam keadaan baik

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2022 – Dis 2025

Sasaran:
Insiden ICT diselesaikan 100%


P.6 Jawatankuasa Pelan Strategik Pendigitalan Bahagian Perlindungan

Objektif: Memantau hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan ke arah membentuk budaya pendigitalan dalam jabatan dan masyarakat.

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2022 – Dis 2025

Sasaran:
1 Pelan Strategik Pendigitalan
3 kali kajian separuh penggal





TERAS STRATEGIK

03

Pemantapan Kompetensi Digital Dengan
Tadbir Urus Yang Dinamik

Strategi 2:

Pembangunan dan Pemantapan Prosedur dan
Garis Panduan Digital

P.1

Garis Panduan Pelaksanaan Sistem Teras
dan Sokongan

Objektif: Mewujudkan garis panduan
pelaksanaan sistem teras dan
sokongan

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jun 2023 – Dis 2025

Sasaran:
Sekurang-kurangnya 3 garis
panduan sistem dilaksanakan

P.2

Pemantapan *Standard Operating Procedure*
(SOP) Perkhidmatan ICT

Objektif: Mengemaskini SOP Perkhidmatan ICT
berdasarkan keperluan semasa

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2022 – Jun 2023

Sasaran:
1 dokumen SOP
ICT yang
dikemaskini

P.3

Dasar Agihan Peralatan ICT

Objektif: Menyediakan garis panduan agihan
peralatan ICT Jabatan

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2023 – Dis 2023

Sasaran:
1 dokumen Dasar
Agihan Peralatan
ICT

P.4

Pengukuhan Dasar Keselamatan ICT BP

Objektif: Semakan semula DKICT bagi
memantapkan pengurusan ICT

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2023 – Dis 2023

Sasaran:
1 dokumen DKICT
yang kemaskini





TERAS STRATEGIK

03 Pemantapan Kompetensi Digital Dengan
Tadbir Urus Yang Dinamik

Strategi 2: Pembangunan dan Pemantapan Prosedur dan Garis Panduan Digital

P.5

Penyediaan dan Pemantapan Pelan Strategik Pendigitalan Bahagian Perlindungan

Objektif: Menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan Jabatan untuk tempoh empat tahun ke arah membentuk budaya pendigitalan

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2022 – Dis 2025

Sasaran:

1 dokumen PSPBP 2022-2025 dilancarkan pada Dis 2022

Kajian Separuh Penggal Pelan dilaksana pada tahun 2023, 2024 dan 2025

1 dokumen PSPBP 2026-2031 dibangunkan

P.6

Penyediaan dan Pemantapan Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) Bahagian Perlindungan


Objektif: Pelan Kesinambungan Perkhidmatan melibatkan proses perancangan bagi menghadapi keadaan atau suasana yang tidak dijangka

Pemilik Program:
Semua Cawangan

Tempoh Laksana:
Jun 2022 – Dis 2022

Sasaran:

1 dokumen PKP disedia dan dilaksanakan





TERAS STRATEGIK

03

Pemantapan Kompetensi Digital Dengan
Tadbir Urus Yang Dinamik

Strategi 3: Pemantapan Kompetensi dan Kesedaran Digital

P.1

Pemantapan fungsi CIO berdasarkan peranan CDO

Objektif: Memantapkan fungsi CIO ke arah merealisasikan inisiatif pendigitalan

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2023 – Dis 2023

Sasaran:
Program kompetensi pendigitalan kepada CIO sekurang-kurangnya 1 program setahun

P.2

Program Kesedaran ICT Jabatan

Objektif: Memastikan pegawai dapat menggunakan sistem/platform digital secara konsisten dan optimum

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2022 – Dis 2025

Sasaran:
Sekurang-kurangnya 3 program kesedaran ICT setahun

P.3

Pengiktirafan kakitangan Seksyen Teknologi Maklumat

Objektif: Menyediakan kakitangan Seksyen ICT yang mempunyai kemahiran khusus dalam ICT

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2022 – Dis 2025

Sasaran:
Wakil Staf ICT menghadiri sekurang-kurangnya 1 (satu) kursus pengiktirafan

P.4


Pelan Operasi Latihan ICT

Objektif: Menyediakan perancangan latihan ICT kepada staf ICT dan warga BP mengikut tahun

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2023 – Dis 2025

Sasaran:
1 dokumen POL yang diselaraskan dan dikemaskini peringkat pengurusan setiap tahun





TERAS STRATEGIK

03 Pemantapan Kompetensi Digital Dengan Tadbir Urus Yang Dinamik



Strategi 3: Pemantapan Kompetensi dan Kesedaran Digital

P.5


Pelaksanaan Latihan Pendigitalan Warga
Bahagian Perlindungan

Objektif: Melaksanakan latihan pendigitalan
berdasarkan Pelan Operasi Latihan
Jabatan

Pemilik Program:
Cawangan Pengurusan

Tempoh Laksana:
Jan 2022 – Dis 2025

Sasaran:
Melaksanakan
latihan 100%
mengikut POL





PENUTUP

Pelan Strategik Pendigitalan Bahagian Perlindungan (PSPBP) 2022-2025 menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan Jabatan untuk tempoh empat (4) tahun yang akan datang. Pelaksanaan pelan ini dipacu oleh Visi dan Misi Pendigitalan yang telah dimuktamadkan sejajar dengan fungsi dan teras strategik bisnes Bahagian Perlindungan.

Sebanyak tiga (3) Teras Strategik, lapan (8) Strategi dan 41 Program Pendigitalan telah disusun sepanjang pelaksanaan pelan ini ke arah merealisasikan visi '**'PENDIGITALAN PEMANGKIN KECEMERLANGAN PROGRAM PERLINDUNGAN SAKSI'**'.

Teras Strategik 1 memfokuskan aktiviti pengukuhan infrastruktur yang lebih menyeluruh termasuk rangkaian dan Pusat Data bagi menangani perubahan teknologi digital dalam inisiatif MyDigital Kerajaan. Ini merangkumi kajian teknologi yang terkini tanpa mengkompromi aspek keselamatan ICT.

Fokus utama **Teras Strategik 2** adalah pembangunan modul Program Perlindungan Saksi yang menyeluruh dan bakal digunakan oleh semua Cawangan di Bahagian Perlindungan. Modul tersebut mengambilkira pendigitalan fungsi-fungsi utama Bahagian Perlindungan bermula daripada proses permohonan program sehingga kepada penamat saksi.


Teras Strategik 3 merupakan gabungan domain Tadbir Urus ICT dan Keupayaan ICT. Perkara utama yang dibincangkan adalah pengukuhan struktur organisasi ICT Jabatan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan dan adaptasi teknologi dapat dilaksanakan dengan berkesan.

PSPBP 2022-2025 dibangunkan melalui kerjasama khidmat nasihat Bahagian Perundingan ICT, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) berdasarkan Metodologi PerSI. Beberapa siri pembentangan telah dilaksanakan bersama pihak MAMPU dengan mengupas secara terperinci setiap fasa pembangunan pelan ini. Bahagian Perlindungan merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak MAMPU dan JPM atas kerjasama strategik ini yang akan berterusan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan awam Malaysia.

Ucapan penghargaan juga dipanjangkan atas komitmen Pengurusan Atasan, Pasukan Projek dan Warga Bahagian Perlindungan disamping kepakaran personel ICT dan peruntukan kewangan yang merupakan faktor kejayaan kritikal pelaksanaan pelan ini.







Bahagian Perlindungan,
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 7, Menara Usahawan,
Persiaran Perdana Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62652 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan Putrajaya

03 8000 8500
info@bp.gov.my
www.bp.gov.my